



# GREAT Retirement Pride<sup>1,2</sup> + Long Term Care Rider<sup>1</sup>

Memperkasa usia emas anda dengan PRIDE




Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad adalah ahli PIDM.

<sup>1</sup> Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan.

<sup>2</sup> PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

# Memperkasa usia emas anda dengan PRIDE

- P – “Protect”, perlindungan semasa tahun kemuncak pekerjaan anda
- R – “Ready”, capaian segera pada jumlah asurans anda tatkala diperlukan 
- I – “Income”, pendapatan dibayar sehingga matang
- D – “Disability”, perlindungan hilang upaya dengan sokongan jagaan jangka panjang
- E – “Elder Care”, manfaat Jagaan Warga Emas untuk orang tersayang

Persaraan sepatutnya waktu untuk menikmati hasil kerja keras anda - suatu fasa kehidupan apabila kebebasan kewangan bertemu dengan jaminan berkekalan. Memperkenalkan **GREAT Retirement Pride**, pelan ini direka bagi membantu anda mengubah visi tersebut menjadi kenyataan.

Disesuaikan untuk melindungi anda sepanjang ketidakpastian hidup, **GREAT Retirement Pride** memastikan anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran premium selama 5, 10 atau 20 tahun atau sehingga umur 60 tahun hari jadi berikut, bersesuaian dengan komitmen kewangan anda. Anda akan dilindungi dari segi kewangan seiring dengan pertambahan usia, berserta perlindungan menyeluruh terhadap kematian, Hilang Upaya Total dan Kekal (TPD) serta perlindungan semasa usia emas.

Bagi meningkatkan lagi perlindungan, anda boleh memilih untuk menambah **Long Term Care Rider** yang direka untuk menyokong keperluan jagaan jangka panjang anda. Aliran pendapatan yang tetap akan dibayar apabila anda tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 daripada 6 Aktiviti Kehidupan Harian, membantu anda menguruskan kos jagaan berterusan dengan selesa dan bermaruah pada usia emas anda.

Selain perlindungan, dapatkan penggalak tambahan yang anda layak – pelan ini membayar pendapatan tahunan dan bulanan secara berkala bagi memenuhi keperluan kewangan anda pada peringkat kehidupan berbeza. Anda juga akan menerima manfaat matang pada akhir tempoh polisi, memastikan anda bersara penuh yakin dan menjalani kehidupan yang diimpikan selama ini.

Tambahan lagi, anda mempunyai lebih fleksibiliti dengan Pilihan Pengaktifan Jumlah Asurans. Ia membolehkan anda menukar jumlah asurans menjadi pendapatan tambahan pada bila-bila masa anda memerlukannya, menawarkan penggalak kewangan untuk perbelanjaan atau keadaan kecemasan yang tidak dijangka. Ia merupakan jaringan keselamatan yang terbina bagi memberikan anda lebih kawalan pada usia emas.

Rancang hari ini untuk peroleh lebih kekayaan tanpa kebimbangan untuk hari esok – kerana persaraan anda seperti selayaknya bermula dengan pilihan pada hari ini.

## Manfaat sepintas lalu



**Komitmen premium fleksibel dengan perlindungan sepanjang hayat sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut**



**Perlindungan 5X Dijamin sekiranya perkara tidak diingini berlaku pada tahun kemuncak pekerjaan anda**



**Pendapatan tahunan bagi menampung perjalanan kewangan anda**



**Pendapatan bulanan dijamin bagi melindungi gaya hidup persaraan anda**



**Perlindungan dilanjutkan bagi melindungi usia emas anda**



**Pilihan pengaktifan jumlah asurans bagi pendapatan tambahan**



**Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda**





**Perlindungan berterusan dengan rider pilihan**



**Dana unit pilihan anda bagi potensi peningkatan**

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

# Bagaimana GREAT Retirement Pride dan Long Term Care Rider berfungsi:



Nota:  
i. \*Jika anda mencari polisi insurans dengan elemen simpanan, anda mungkin ingin membandingkan pulangan polisi ini dengan pulangan berkesan alternatif pelaburan lain.  
ii. Umur yang dinyatakan di atas merujuk pada umur hari jadi berikut.  
iii. Contoh di atas digunakan untuk tujuan ilustrasi sahaja.  
iv. Tertakluk pada terma dan syarat.



## Komitmen premium fleksibel dengan perlindungan sepanjang hayat sehingga umur 100 tahun hari jadi berikut

Dengan GREAT Retirement Pride, anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran premium selama 5, 10, dan 20 tahun atau sehingga umur 60 tahun hari jadi berikut bagi perlindungan berkekalan sehingga umur 90 atau 100 tahun hari jadi berikut. Fleksibiliti ini membolehkan anda menyesuaikan pelan mengikut tahap kemampuan dan komitmen anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



## Perlindungan 5X Dijamin sekiranya perkara tidak diingini berlaku pada tahun kemuncak pekerjaan anda

Ketidakpastian hidup boleh berlaku tanpa diduga. Sekiranya kematian berlaku semasa tahun kemuncak pekerjaan anda, pelan ini menyediakan manfaat kematian dijamin\* sehingga 500% daripada jumlah asurans asas dan jumlah nilai pelaburan (jika ada), akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus kepada orang tersayang — menawarkan sokongan kewangan kukuh pada saat penting. Manfaat pengebumian tambahan sebanyak RM5,000 bagi setiap hayat akan dibayar sebagai tambahan bagi manfaat kematian.

Sekiranya TPD berlaku sebelum umur 70 tahun hari jadi berikut, anda akan menerima manfaat kematian dijamin\* dan jumlah nilai pelaburan (jika ada) agar anda dan orang tersayang berasa tenang dengan perlindungan kewangan yang anda layak.

Nota:

- i. \*Manfaat kematian dijamin, mana yang lebih tinggi:
- suatu peratusan jumlah asurans asas;

Umur Hari Jadi Berikut pada Ulang Tahun Polisi	Peratusan Jumlah Asurans Asas (%)
19 – 59	500%
60 – matang	100%

atau

- Premium asas yang telah dibayar sehingga terkini ditolak penggalak pelaburan keseluruhan dan penggalak persaraan yang dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan (jika ada) atau manfaat hidup keseluruhan dan pendapatan persaraan yang telah dibayar kepada anda (jika ada); atau
- Nilai tunai.

ii. Tertakluk pada terma dan syarat.



## Pendapatan tahunan bagi menampung perjalanan kewangan anda

Ingin peroleh penggalak tambahan untuk mencapai matlamat kewangan? GREAT Retirement Pride memberikan anda fleksibiliti untuk memilih pendapatan tahunan sama ada **penggalak pelaburan** yang akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan anda atau **manfaat hidup** yang akan dibayar kepada anda.

Pendapatan tahunan sebanyak 1% daripada jumlah asurans asas anda, dibayar pada akhir setiap tahun polisi selepas tempoh pembayaran premium tamat, sehingga kematian, TPD, serahan polisi atau umur 60 tahun hari jadi berikut, mana yang berlaku dahulu.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



## Pendapatan bulanan dijamin bagi melindungi gaya hidup persaraan anda

Biarkan kekayaan anda terus berkembang walaupun selepas persaraan. Apabila anda telah selesai membayar semua premium dan mula menerima lebih lagi – pendapatan bulanan akan dibayar sama ada sebagai **penggalak persaraan** atau **pendapatan persaraan\***, untuk menjana gaya hidup persaraan anda – dalam apa jua keadaan! Pendapatan bulanan ini juga akan meningkat seiring dengan pertambahan usia, menyediakan sokongan kewangan lebih besar sepanjang perjalanan persaraan anda.

Jadual berikut menunjukkan pendapatan bulanan yang dinyatakan sebagai peratusan jumlah asurans asas serta dibayar setiap bulan polisi sehingga kematian, TPD, serahan polisi atau polisi matang, mana yang berlaku dahulu:

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Peratusan Jumlah Asurans Asas (%)
60 – 75	1.0%
76 – 90	1.5%
91 – matang	2.0%

Nota:

- \*Ini akan diselaraskan dengan pilihan anda sama ada penggalak pelaburan atau manfaat hidup. Jika anda memilih penggalak pelaburan, penggalak persaraan akan berkecuali, dan sebaliknya.*
- Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Pilihan pengaktifan jumlah asurans bagi pendapatan tambahan

Nikmati jaminan kewangan melalui pilihan pengaktifan jumlah asurans agar anda dilindungi sebaiknya pada usia emas anda. Bermula dari umur 60 tahun hari jadi berikut, GREAT Retirement Pride memberi anda pilihan untuk menukar jumlah asurans asas menjadi pendapatan tambahan. Anda mempunyai fleksibiliti untuk memilih tempoh pembayaran selama 5, 10, 15 atau 20 tahun atau dalam satu jumlah sekali gus, mana yang paling sesuai dengan keperluan kewangan anda.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



## Manfaat matang pada akhir tempoh polisi anda

Raikan pencapaian anda dengan GREAT Retirement Pride! Apabila polisi matang, anda akan menerima 100% daripada jumlah asurans asas, jumlah nilai pelaburan (jika ada), pendapatan persaraan terakhir (jika ada), dan pendapatan bulan terakhir daripada pilihan pengaktifan jumlah asurans (jika ada).

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.



## Perlindungan dilanjutkan bagi melindungi usia emas anda

Terima sokongan berterusan yang selayaknya dengan Manfaat Jagaan Warga Emas GREAT Retirement Pride. Bermula dari umur 60 tahun hari jadi berikut, anda akan dilindungi dari segi kewangan dengan tambahan sebanyak 30% daripada jumlah asurans asas sekiranya sebarang kejadian yang dilindungi berlaku.

Nota:

- Manfaat Jagaan Warga Emas hanya dibayar sekali sahaja dan tertakluk pada pembayaran maksimum RM200,000 bagi setiap hayat.*
- Kejadian yang dilindungi merujuk pada Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk, pembedahan pembelahan meninges tulang belakang, keretakan pada tulang belakang akibat kemalangan dan osteoporosis teruk berserta keretakan.*
- Tempoh menunggu selama 30 hari bermula dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, akan berkecuali bagi Manfaat Jagaan Warga Emas.*
- Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Perlindungan berterusan dengan rider pilihan

Kekal dilindungi dengan rider pilihan yang disesuaikan untuk memudahkan usia emas anda! Terima sokongan berterusan dengan rider pilihan berikut yang dilampirkan pada pelan agar anda dapat menikmati hidup sepenuhnya.

- **Long Term Care Rider**

- i) Manfaat Jagaan Jangka Panjang

Menyediakan pendapatan bulanan tetap yang dinyatakan sebagai peratusan jumlah asurans rider seperti di bawah, sekiranya hayat yang diasuranskan tidak dapat melakukan sekurang-kurangnya 3 Aktiviti Kehidupan Harian pada atau selepas umur 70 tahun hari jadi berikut:

Umur Hari Jadi Berikut yang Dicapai	Peratusan Jumlah Asurans Rider (%)
70 – 75	1.0%
76 – 90	1.5%
91 – 100	2.0%

- ii) Manfaat Kematian

Jika hayat yang diasuranskan meninggal dunia, premium rider keseluruhan yang telah dibayar atau nilai tunai rider, mana yang lebih tinggi akan dibayar kepada orang tersayang anda.

*Nota: Jika kematian berlaku selepas Manfaat Jagaan Jangka Panjang dibayar, Manfaat Jagaan Jangka Panjang yang telah dibayar akan ditolak daripada Manfaat Kematian Dijamin bagi pelan asas dan manfaat kematian bagi rider, tertakluk pada minimum sifar.*

- iii) Manfaat Matang

Apabila polisi matang, premium rider keseluruhan yang telah dibayar akan dibayar.

- **CI Premium Waiver Rider**

Penepian premium jika penyakit kritikal berlaku kepada hayat yang diasuranskan.

- **Payer Waiver Extra Rider**

Penepian premium jika kematian, hilang upaya atau penyakit kritikal berlaku kepada pembayar.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*



## Dana unit pilihan anda bagi potensi peningkatan

GREAT Retirement Pride memberikan anda akses pada dana yang diuruskan secara profesional. Anda bebas untuk memilih dan melabur dalam dana yang sesuai dengan selera risiko dan gaya pelaburan.

### Keterangan Dana

Pilihan dana hendaklah berdasarkan beberapa faktor, antaranya toleransi anda terhadap risiko. Sila rujuk kepada pengantara anda ataupun Syarikat untuk mengetahui jenis dana yang bersesuaian dengan toleransi anda terhadap risiko.

Caj pengurusan dana tidak dijamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu. Dana yang sedia ada adalah:

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion Balanced	<p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 40% hingga 60%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.</p> <p><b>Berkuat kuasa mulai 27 Julai 2026, objektif akan dipinda seperti berikut:</b></p> <p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 30% hingga 70%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana.</p>	1.00%
Dana Lion Fixed Income	<p>Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap seperti bon kerajaan dan korporat serta dalam bentuk tunai dan setara dengan tunai. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	0.50%
Dana Lion Progressive	<p>Dana yang melabur dalam campuran ekuiti (julat di antara 50% hingga 90%) dan sekuriti pendapatan tetap. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, pada tahap mudah ubah sederhana hingga tinggi.</p>	1.35%
Dana Sejati	<p>Dana yang melabur dalam sekuriti pendapatan tetap yang diluluskan Syariah, contohnya sukuk kerajaan dan korporat serta dilaburkan dalam kertas/deposit pasaran mata wang Islam. Dana ini bertujuan untuk menyediakan pulangan yang konsisten pada tahap mudah ubah rendah. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (40% hingga 100%), sebahagiannya mungkin dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap asing yang diluluskan Syariah (sehingga 50%), bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	0.50%
Dana Lion Enhanced Equity	<p>Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.</p>	1.50%

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Gemilang	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang. Walaupun sebahagian besar pelaburan dana dijalankan di Malaysia (50% hingga 100%), sebahagiannya akan melabur dalam syarikat yang mempunyai operasi perniagaan yang signifikan di Singapura (sehingga 25%) dan Greater China (Tanah Besar China, Hong Kong, Makau dan Taiwan) (sehingga 25%), jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana ini hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.	1.50%
Dana Lion Small Mid Cap	Dana yang mana 60% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti dengan baki dalam tunai dan/atau bersamaan tunai, yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang, membuat pelaburan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil di Malaysia (50% hingga 100%) ("Small Mid Cap"). Sebahagian pelaburan mungkin dijalankan dalam ekuiti Pasaran Modal Sederhana dan Kecil asing (Asia Pasifik tidak termasuk Jepun) jika dan apabila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana.	1.40%
Dana Lion Advanced Strategic	Dana yang melabur dalam campuran ekuiti, sekuriti pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang di Malaysia serta syarikat yang mempunyai pengurusan perniagaan ketara di Asia. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset memandangkan dana ini boleh melabur secara tunggal dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset secara tepat dan dinamik dalam pelbagai pasaran pada bila-bila masa.	1.35%
Dana Lion ASEAN	Dana yang mana 80% hingga 100% pelaburan terdiri daripada ekuiti. Dana ini bertujuan untuk memaksimumkan kenaikan nilai modal dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang sambil mengurangkan risiko dan/atau meningkatkan pulangan melalui pertukaran jenis aset dalam pasaran ASEAN pada waktu yang bertepatan serta dinamik pada bila-bila masa. Baki nilai aset bersih bagi dana akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang jangka pendek domestik termasuklah tunai. Skim pelaburan kolektif seperti unit amanah, dana bersama dan dana dagangan bursa yang melabur dalam jenis aset demikian mungkin dipertimbangkan.	1.50%
Dana Lion US-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P500 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%

Dana	Penerangan Dana	Caj Pengurusan Dana (tahunan)
Dana Lion UK-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi FTSE100 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion AU-i	Dana yang diuruskan secara pasif dan menyasarkan untuk mengesan prestasi S&P/ASX200 dalam jangka pertengahan hingga jangka panjang (strategi pengindeksan), yang boleh mudah ubah dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk menyediakan kenaikan nilai modal jangka pertengahan hingga jangka panjang.	0.75%
Dana Lion Equity Global Sustainability	Dana penyuap yang menyasarkan untuk memaksimumkan pulangan keseluruhan melalui kepelbagaian pasaran ekuiti global dan penyertaan dalam pertumbuhan dinamik bagi pasaran modal dunia. Dana ini diuruskan secara konsisten dalam pelaburan dengan penerapan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus. Dana ini bertujuan untuk memperoleh keuntungan sekurang-kurangnya 80% daripada pendedahan pelaburan terhadap sekuriti ekuiti bagi syarikat bermastautin atau perniagaan utama yang berada di negara maju. Sekuriti berkaitan ekuiti termasuk instrumen derivatif kewangan. Dana ini boleh melabur dalam instrumen pasaran wang (MMI), deposit dan tunai, jika ditentukan sebagai bersesuaian. MMI mungkin diterbitkan kerajaan, agensi kerajaan, syarikat dan supranasional, serta mungkin dengan taraf pelaburan, taraf bukan pelaburan atau tidak penarafan semasa pembelian.	1.50%
Dana Lion Physical Gold	Dana penyuap bagi LionGlobal Singapore Physical Gold Fund Class A USD (Acc) ("Dana Sasaran"), manakala baki pelaburan akan dipegang dalam bentuk tunai dan/atau setara tunai bagi pengurusan kecairan dan keperluan operasi. Dana Sasaran akan melabur 90% hingga 100% dalam emas manakala baki pelaburan akan dipegang dalam bentuk tunai dan/atau setara tunai bagi pengurusan kecairan. Dana ini menyasarkan untuk mendapat pendedahan terhadap pelaburan Emas yang tertakluk pada mudah ubah dan risiko yang berkaitan dana emas fizikal. Anda tidak mempunyai akses terhadap penebusan emas secara fizikal atau barangan.	0.60%

**Nota:**

- i. Walaupun Dana Gemilang dan Dana Sejati melabur dalam sekuriti patuh Syariah, pelan insurans tersebut tidak diklasifikasikan sebagai produk berlandaskan Syariah.
- ii. Tertakluk pada terma dan syarat.

## Soalan lazim

**S: Siapakah yang boleh memohon?**

J: Umur kemasukan minimum ialah 19 tahun hari jadi berikut dan umur kemasukan maksimum berbeza mengikut tempoh pembayaran premium yang dipilih seperti di bawah:

Tempoh Pembayaran Premium	Umur hari jadi berikut
5 tahun atau sehingga umur 60 tahun hari jadi berikut	55
10 tahun	50
20 tahun	40

**S: Berapakah jumlah asurans yang saya boleh beli?**

J: Jumlah asurans minimum bagi pelan ini ialah RM20,000. Semua permohonan bagi GREAT Retirement Pride tertakluk pada keperluan taja jamin Syarikat yang berkenaan.

*Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.*

**S: Apakah pengecualian bagi pelan ini?**

J: Tiada manfaat akan dibayar di bawah keadaan berikut:

- Kematian semasa tahun polisi pertama dari tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula polisi, mana yang kemudian, akibat bunuh diri, ketika waras atau tidak waras.
- TPD disebabkan kecederaan yang dilakukan sendiri, ketika waras atau tidak waras; atau
- TPD yang sedia wujud sebelum tarikh permulaan risiko atau sebarang tarikh penguatkuasaan semula, mana yang kemudian.

*Nota: Pengecualian yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Huraian penuh boleh didapati daripada dokumen polisi.*

**S: Bagaimanakah saya boleh membuat bayaran?**

J: Anda boleh bayar menggunakan perbankan internet, kad kredit, JomPay, GIRO, ePay atau tunai/cek melalui Bank Pemungut (melalui kaunter, ATM & mesin deposit cek). Anda mempunyai fleksibiliti untuk membayar premium secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan. Namun, pembayaran tunai atau cek tidak dibenarkan bagi bayaran secara bulanan.

**S: Berapakah yuran dan caj semasa?**

J: Anda boleh merujuk pada Keterangan Dana untuk maklumat berkenaan caj pengurusan dana. Tiada yuran dan caj lain yang berkenaan.

*Nota: Perubahan caj pengurusan dana boleh dilakukan pada ulang tahun polisi dan anda akan menerima notis bertulis 3 bulan terlebih dahulu.*

**S: Adakah saya layak untuk menerima manfaat cukai?**

J: Manfaat yang diterima daripada GREAT Retirement Pride tidak dikenakan cukai dan premium yang dibayar mungkin layak mendapat pelepasan cukai. Namun, manfaat cukai tertakluk pada Akta Cukai Pendapatan Malaysia, 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

## Notis penting

GREAT Retirement Pride merupakan pelan seumur hidup dengan tempoh pembayaran premium terhad tanpa penyertaan dalam keuntungan. Penggalak pelaburan dan penggalak persaraan akan dikreditkan pada jumlah nilai pelaburan dengan membeli unit dalam dana unit pilihan manakala manfaat hidup dan pendapatan persaraan akan dibayar kepada anda. Sebahagian daripada pilihan dana melabur dalam sekuriti yang diluluskan Syariah. Namun begitu, produk ini tidak berlandaskan Syariah. **Jumlah nilai pelaburan adalah berlandaskan prestasi yang mendasari aset dan bukan suatu produk pelaburan sebenar seperti unit amanah.** Premium dibayar sehingga akhir tempoh pembayaran premium atau sehingga kematian atau penamatan polisi, mana yang berlaku dahulu. Premium akan kekal sama sepanjang tempoh pembayaran premium.

Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan premium yang dibayar di bawah polisi adalah amaun yang anda mampu bayar. Satu tempoh memerhati bebas selama 15 hari diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika polisi dikembalikan kepada Syarikat dalam tempoh ini, Syarikat akan membayar balik suatu amaun yang bersamaan dengan:

- premium asas yang telah dibayar tanpa faedah termasuk premium rider (ditolak dengan perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan, jika ada); dan
- premium yang tidak diperuntukkan (jika ada) dan nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga unit pada tarikh penilaian yang berikutnya.

Nilai aset bersih ialah harga tunggal apabila pemilik polisi membeli unit dalam suatu dana unit dan menjual kembali unit pada dana unit. Jika anda menukar polisi insurans anda dari sebuah syarikat ke sebuah syarikat lain atau jika anda menukar polisi anda dengan polisi lain dalam syarikat yang sama, anda dikehendaki untuk menghantar borang cadangan yang mana penerimaan cadangan anda tertakluk pada terma dan syarat yang akan dikenakan semasa penukaran atau penggantian polisi.

Polisi tidak mempunyai nilai tunai minimum yang dijamin semasa penamatan sehingga anda telah membayar premium selama dua tahun. Penamatan awal polisi melibatkan kos yang tinggi dan nilai penarikan balik jumlah nilai pelaburan adalah berdasarkan nilai pasaran semasa bagi aset yang mendasari dana unit. Oleh itu, **jika anda menyerahkan polisi lebih awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang anda telah bayar.** Jumlah nilai pelaburan mungkin naik atau turun, berdasarkan prestasi yang mendasari dana. **Prestasi dana adalah tidak dijamin.** Risiko pelaburan akan ditanggung sepenuhnya oleh pemilik polisi. Prestasi sebenar yang terdahulu bukan panduan untuk prestasi akan datang, kerana ia mungkin berbeza.

Jika anda berhenti membayar premium sebelum akhir tempoh pembayaran premium, pinjaman premium automatik akan berkuat kuasa di bawah polisi anda untuk membayar premium pada masa depan asalkan nilai tunai dan/atau jumlah nilai pelaburan melebihi jumlah hutang. Syarikat akan mengenakan faedah bagi pinjaman di atas pada kadar faedah yang ditentukan Syarikat dari semasa ke semasa. Kadar faedah semasa boleh didapati pada laman sesawang rasmi Syarikat. Pemberhentian pembayaran premium sebelum akhir tempoh pembayaran premium mungkin menyebabkan perlindungan ditamatkan lebih awal.

Anda mempunyai pilihan untuk meningkatkan nilai pelaburan polisi anda melalui penambahan premium tunggal, tertakluk pada minimum sebanyak RM1,000 bagi setiap penambahan, dengan syarat semua premium yang perlu dibayar dan hutang telah dibayar.

95% daripada penambahan premium tunggal akan digunakan untuk membeli unit pelaburan. Baki 5% penambahan premium tunggal yang tidak diperuntukkan untuk membeli unit akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara dan perbelanjaan am Syarikat. Syarikat berhak menanggungkan pengeluaran atau penebusan unit, dalam keadaan yang dianggap terkecuali.

Risalah ini hanyalah untuk maklumat am sahaja. Ia bukan satu kontrak insurans. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Jualan, Risalah Pernyataan Dana, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh dokumen polisi bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum membeli pelan ini. Pengecualian dan had manfaat yang dinyatakan di atas adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, rujukan harus dibuat pada terma dan syarat yang dinyatakan dalam polisi yang dikeluarkan Great Eastern Life.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

*Istilah "Great Eastern Life" dan "Syarikat" merujuk kepada Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad.*

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Ejen Great Eastern Life anda atau Customer Service Careline di 1300-1300 88.**

## PEJABAT CAWANGAN

### **Alor Setar**

66 & 68, Jalan Teluk Wan Jah  
05200 Alor Setar, Kedah

### **Batu Pahat**

109, Jalan Rahmat  
83000 Batu Pahat, Johor

### **Bintulu**

No.313, Lot 3956, Phase 4  
Bintulu Parkcity Commerce Square  
Jalan Tun Ahmad Zaidi/  
Jalan Tanjung Batu  
97000 Bintulu, Sarawak

### **Ipoh**

Wisma GREAT Eastern  
16, Persiaran Tugu  
Greentown Ave  
30450 Ipoh, Perak

### **Johor Bahru**

Wisma GREAT Eastern  
02-01, Blok A  
Komersil Southkey Mozek  
Persiaran Southkey 1  
Kota Southkey  
80150 Johor Bahru

### **Klang**

No. 8 & 10, Jalan Tiara 2A  
Bandar Baru Klang  
41150 Klang, Selangor

### **Kluang**

No. 22 & 24  
Jalan Md Lazim Saim  
86000 Kluang, Johor

### **Kota Bharu**

No. S25/5252-T & U  
Jalan Sultan Yahya Petra  
15200 Kota Bharu, Kelantan

### **Kota Kinabalu**

Wisma GREAT Eastern  
Level 4 & 5, No. 65 Jalan Gaya  
88000 Kota Kinabalu, Sabah

### **Kuala Terengganu**

2nd Floor, 6F  
Bangunan Persatuan Hin Ann  
Jalan Air Jernih,  
20300 Kuala Terengganu,  
Terengganu

### **Kuantan**

A25, Jalan Dato Lim Hoe Lek  
25200 Kuantan, Pahang

### **Kuching**

House No. 51, Lot 435  
Section 54, KTL D  
Travilion Commercial Centre  
Jalan Padungan  
93100 Kuching, Sarawak

### **Lahad Datu**

Ground & 1st Floor  
MDLD 3804, Lot 66  
Fajar Centre, Jalan Segama  
91100 Lahad Datu, Sabah

### **Melaka**

No. 23, Jalan PM 15  
Plaza Mahkota  
75000 Melaka

### **Miri**

Lots 1260 & 1261  
Block 10, M.C.L.D,  
Jalan Melayu  
98000 Miri, Sarawak

### **Penang**

25, Light Street  
10200 Penang

### **Sandakan**

Lot 5 & 6, Block 40  
Lorong Indah 15  
Bandar Indah, Phase 7  
Mile 4, North Road  
90000 Sandakan, Sabah

### **Seremban**

101 & 103, Jalan Yam Tuan  
70000 Seremban,  
Negeri Sembilan

### **Sibu**

No. 10 A-F  
Wisma GREAT Eastern  
Persiaran Brooke  
96000 Sibu, Sarawak

### **Taiping**

133A, Jalan Barrack  
34000 Taiping, Perak

### **Tawau**

Ground Floor  
Wisma GREAT Eastern  
Jalan Billian  
91000 Tawau, Sabah

# Mencapai Kejayaan

## IBU PEJABAT

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A)

Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

☎ 03-4259 8888

📠 03-4259 8000

✉ [wecare-my@greateasternlife.com](mailto:wecare-my@greateasternlife.com)

🌐 [www.greateasternlife.com](http://www.greateasternlife.com)

Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad 198201013982 (93745-A) dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Syarikat.